

Mahathir sahkan BN akan bincang krisis

KUALA LUMPUR 16
Ogos — Datuk Sri Dr.
Mahathir Mohamad pe-
tang ini mengesahkan kri-
sis MCA akan dibincang
di mesyuarat Dewan Ter-
tinggi Barisan Nasional es-
ok.

Bagaimanapun Presiden
UMNO yang juga Peng-
erusi Barisan Nasional
berkata sebarang usaha
penyelesaian bagi mena-
matkan krisis itu akan di-
ketahui hanya selepas me-
syuarat tersebut.

Ketika dikerumuni oleh
para pemberita selepas u-
pacara perasmian Pameran
Nasionalisme Dalam Per-
suratan di Muzium Nega-
ra, beliau menolak segala
pertanyaan berhubung
dengan krisis MCA deng-
an jawapan beliau tidak
tahu dan tidak ada apa
pandangan yang hendak
diberi.

Ditanya siapa di dalam
MCA yang beliau iktiraf
menandatangani parti itu
kini sudah berpecah ke-
pada tiga puak dan dua
Pemangku Presiden, Per-
dana Menteri menegaskan
bahawa beliau tidak sedar
tentang keadaan tersebut.

"Saya tidak tahu dan ti-
dak akan memberi pan-
dangan. Tunggu sampai
mesyuarat esok," katanya
berkali-kali menjawab pel-
bagai pertanyaan.

Mengenai pandangan
supaya Pemangku Presi-
den MCA, Datuk Dr. Neo
Yee Pan meletakkan ja-
watan sebagai langkah pe-
nyelesaian, Datuk Sri Dr.
Mahathir berkata perkara
itu juga tidak diketahui-
nya.

Soal jawab diantara Per-
dana Menteri dengan para
pemberita berlaku dalam
keadaan bersedak-sesak
ketika beliau hendak me-
ninggalkan majlis tersebut.

Sementara itu sumber-
sumber rapat Datuk Dr.
Neo berkata, puak Dr. Neo
akan mengambil tindakan
sewajarnya ke atas Pemang-
ku Timbalan Presiden, Da-
tuk Mak Hon Kam dan Da-
tuk Dr. Tan Tiong Hong,
sehari selepas mesyuarat
tertinggi Barisan Nasional.

Sumber-sumber itu me-
nyebut kemungkinan Datuk
Mak dan Datuk Dr. Tan
disingkir dari jawatannya.
Perlu disebut, Datuk Mak
dan Datuk Dr. Tan telah
dilantik oleh Datuk Dr. Neo
sendiri untuk memegang ja-
watan mereka.